

Nama Tingkatan

Sekolah

MODUL PINTAS 2019

TINGKATAN 5

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos/September

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang sebab-sebab remaja perlu didedahkan dengan pengurusan kewangan dan kesannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Melalui artikel yang bertajuk “Kadar Muflis Golongan Muda di Malaysia Merisaukan” terdapat sebanyak 1157 kes *kebankrapan* yang melibatkan golongan muda di bawah umur 25 tahun. Menurut Azaddin Ngah Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), faktor utama yang menjadikan mereka muflis ialah ketidakcekapan mengurus kewangan sendiri yang didorong oleh kegagalan perancangan kewangan yang baik dan kurangnya pendidikan mengenai hal ini. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa maklumat yang tepat tentang pengurusan kewangan yang berkesan perlu dimiliki oleh remaja agar dapat membimbing mereka untuk tidak melakukan aktiviti kewangan yang berisiko yang menjadikan mereka berstatus “muflis” yang boleh mendatangkan banyak masalah pada kemudian hari. Panduan menjayakan perancangan kewangan ialah setiap kali mempunyai duit berlebihan, jadikannya sebagai bahagian wang yang hendak disimpan dan mewujudkan akaun khas. Selain itu, hadkan penggunaan kad kredit dan bijak membuat keputusan terhadap kewangan mereka.

Remaja yang bijak mengurus wang dengan teliti turut dapat merancang masa depan dengan lebih strategik. Tabiat menabung yang diamalkan dapat membantunya untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat pengajian yang lebih tinggi. Walaupun remaja mempunyai aliran masuk daripada sumber yang terhad seperti ibu bapa dan biasiswa atau pinjaman pendidikan, remaja yang cekap mengurus kewangannya tidak akan terbelenggu dengan masalah kekurangan wang saku jika mereka menggunakan wang yang ada dengan sebaik-baiknya. Pengurusan kewangan yang baik dapat memastikan remaja mampu membayar balik wang pinjaman pendidikan setelah tamat belajar. Mereka boleh menggunakan wang simpanan yang dikumpulkan untuk menjalankan perniagaan bagi meneruskan kelangsungan hidup sekiranya mereka tidak mendapat sebarang pekerjaan. Selain itu, sekiranya remaja gemar menabung juga, tidak mustahil simpanannya nanti dapat membantunya untuk memulakan pekerjaan yang mungkin memerlukannya untuk membelanjakan sejumlah wang untuk pembelian kenderaan untuk ke tempat kerja.

Remaja yang didedahkan dengan pengurusan kewangan sejak awal boleh menampung perbelanjaan kehidupan harian dengan menjalankan kegiatan yang dapat menjanakan pendapatan sampingan seperti perniagaan kecil-kecilan. Remaja harus bijak merancang perbelanjaan sendiri demi memastikan keadaan kewangan masa depan yang kukuh. Pilihan terletak di tangan remaja, sama ada mahu mengurus kewangan dengan cekap dan kurang berisiko atau terperangkap dalam godaan perbelanjaan tanpa mengikut kemampuan diri seperti pepatah Melayu ukur baju di badan sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Pengurusan Kewangan Remaja’
oleh Noraziah Mohd Amin,
Dewan Siswa, Mac 2017

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kes kebangkrapan* berdasarkan petikan. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa panduan untuk menjayakan perancangan kewangan. Kemukakan panduan-panduan tersebut. [3 markah]
- (iii) Sekolah merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam menyemai pendidikan berkaitan pengurusan kewangan. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi membantu murid-murid bijak dalam pengurusan kewangan? [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PELAKON I: Hei, kawan! Kau lupa satu perkara. Fikiran juga dapat merosakkan fikiran, fikiran yang rosak boleh menyebabkan sasau. Sasau boleh membawa gila. Gila boleh membawa kehancuran dunia, kehancuran manusia. Oleh sebab itu, ikutlah aku. Dengan kuasa, aku boleh mengawal fikiran. Dengan kuasa, aku boleh mengawal wang dan mengawal dunia.

PELAKON II: Telah terbukti bahawa wang juga boleh mengawal fikiran dan sekali gus mengawal kuasa, seterusnya mengawal manusia dan dunia.

AZMIR: (*Tiba-tiba mencelah*). Bukan. Ketiga-tiga kamu salah. Kamu bertiga ialah orang-orang yang sesat. (ARIF dan para pelakon tercengang kehairanan). Perkara yang penting ialah sistem. Sistem yang betul ialah sistem yang prorakyat. Dalam era pascaperang dingin ini, sistem yang prorakyat ialah sistem yang dapat mengawal wang, yang dapat mengawal kuasa dan yang dapat mengawal manusia.

PELAKON I: (*Membawa PELAKON III ke sisi*). Siapakah orang ini?

PELAKON III: Kurang pasti pulak, tetapi rasa-rasanya macam aku pernah tengok.

PELAKON II: Pernah tengok di mana?

PELAKON III: Kalau tak salah aku di kawasan hospital. (*Selepas selesai bercakap, AZMIR membuka topinya*). Aaah, dah sah! Dialah Azmir, pesakit wad sakit jiwa tu.

Dipetik daripada drama 'Bukan Gila'
oleh Sharif Shaari,
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Mengapakah Azmir mengatakan bahawa sistem yang paling betul ialah sistem yang prorakyat? [2 markah]
- (ii) Masalah kemurungan dan stres merupakan salah satu punca yang membawa kepada berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja pada hari ini.
Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh remaja untuk menangani stres? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Azmir yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta, maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap orang banyak. Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik duduk dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja. Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu, “Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia anak hamba?”

Maka sembah segala orang banyak itu, “*Sahaya semua* tahu juga: oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku.”

Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja tidak bermuafakat dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam Kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, “Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar.”

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirilah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *sahaya semua*. [2 markah]
- (ii) Apakah peristiwa yang berlaku setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dilantik menjadi orang besar di Melaka? [3 markah]
- (iii) Sultan Muzaffar Syah telah menjadikan perkahwinan sebagai salah satu cara untuk menyelesaikan perbalahan dalam kalangan pembesar istana.
Sekiranya anda seorang raja, apakah tindakan-tindakan lain yang boleh diambil bagi mengelakkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan pembesar? [3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
 malam sepi
 bagai kalung
 yang melingkari leherku
 tidak berubah keesokan hari
 siapa yang akan datang menjengukku
 keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
 kehijauan rumput
 hanya menjadi bayangan
 di penjuru ruang zaman
 cinta dalam rahim dilupai
 dari sulung ditendang ke bongsu
 dari angh ditendang ke sulung balik
 kucari erti hidup
 menderita mengerang sakit
 berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
 tiada makna
 anaku bakaku
 baik setia mahupun derhaka
 semoga disirami benih keinsafan
 menjadi penawar dalam hati
 embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
 ada yang mati
 ada yang hidup
 tiada yang kekal kecuali Tuhan.

TEO WEI SING

Antologi *Sejadah Rindu*
 Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *jangan terpegun* dalam rangkap akhir sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Kesibukan bekerja telah menyebabkan anak-anak menjadi renggang dengan ibu bapa mereka.
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh anak-anak yang terlalu sibuk dengan kerjaya dan tanggungjawab masing-masing untuk membalas jasa dan pengorbanan kedua-dua ibu bapa mereka? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) agar-agar
- (ii) datang-datang
- (iii) bertabur-tabur
- (iv) mengais-ngais
- (v) riuh-rendah
- (vi) simpang-siur

[6 markah]

(b) *Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.*

- (i) Emak ke pasar *pagi* tadi.
- (ii) Puan Hamidah pengetua di madrasah itu.
- (iii) Hasnah menerima ucapan penghargaan *kerana memenangi pertandingan masakan*.
- (iv) Pertandingan bola jaring itu diadakan di *Stadium Kuala Selangor*.
- (v) *Kapal korek* digunakan untuk mengorek bijih timah di lombong itu.
- (vi) *Keadaan ayah stabil* setelah selesai menjalani pembedahan jantung.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Barisan pengawas yang baharu dilantik diminta bertanggung jawab terhadap bidang tugas masing-masing demi capaian matlamat.
- (ii) Sambutan Ihya Ramadhan akan dilancar oleh pihak sekolah di Dewan Suluh Budiman.
- (iii) Pencarian murid ginius akan dimulakan sebaik sahaja Peperiksaan Pertengahan Tahun selesai dilaksanakan di peringkat sekolah.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Pak Jelani berasa terkejut apabila melihat kandang kambingnya yang lenyap dan berpuluh ekor kambingnya peliharaannya hilang.
 - (ii) Perpaduan rakyat di Malaysia perlu dikekalkan dari masa ke semasa agar negara yang tercinta ini tidak akan dijelajah lagi.
 - (iii) Lampin buang pakai sangat diperlukan oleh mangsa-mangsa tsunami yang mempunyai anak kecil di dalam keadaan situasi yang huru-hara itu.

[6 markah]

- (e) *Berikan peribahasa yang bersesuaian dengan maksud peribahasa di bawah.*

- (i) Membahagikan sesuatu barang dengan adil dan saksama.
- (ii) Perselisihan faham antara saudara-mara dan adik-beradik tidak berpanjangan, akhirnya akan berbaik semula.
- (iii) Sesuatu keputusan bergantung pada diri sendiri untuk melakukannya.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
 - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
 - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
 - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Jelaskan **dua** contoh peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca yang terdapat dalam **sebuah** novel yang anda pelajari. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** pengajaran kegigihan bagi setiap novel yang pada pendapat anda dapat dijadikan panduan hidup. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT